

# Wanita Umno cergas semula

■ Setakat ini tidak kurang 300,000 wanita telah didaftarkan menjadi ahlinya. Jumlah ini dijangka bertambah kepada lebih setengah juta. Semua bironya ditugaskan mengumpul ahli dan bukan ahli untuk memberi sumbangan, pandangan dan pendapat bagi memajukan lagi wanita dalam pelbagai bidang. Satu buku khas yang mengandungi garis panduan bagi 16 bironya akan diterbitkan tidak lama lagi ■

**P**ERGERAKAN Wanita Umno kembali bergiat cergas dengan menubuhkan 16 bironya pada 24 Oktober tahun lalu. Semua biron ditugaskan mengumpul ahli dan bukan ahli untuk memberi sumbangan, pandangan dan pendapat bagi memajukan lagi wanita dalam pelbagai bidang.

Satu buku khas yang mengandungi garis panduan bagi 16 biro itu akan dikeluarkan tidak lama lagi bagi memudahkan ahli bila berlaku pertukaran selepas mesyuarat agung diadakan. Dengan itu matlamat dan strategi semua biro boleh ditetapkan dan menjadi pegangan tanpa perlu dirombak bila setiap kali pucuk pimpinan bertukar tangan.

Menurut Setiausaha Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Puan Habshah Osman, 16 biro itu ialah:

- Biro Politik
- Biro Pendidikan
- Biro Agama
- Biro Ekonomi
- Biro Pembangunan Usahawan
- Biro Pengguna
- Biro Pembangunan Sosial
- Biro Perdagangan
- Biro Kebajikan
- Biro Gunatengah
- Biro Pembangunan Desa
- Biro Pelancongan dan Kebudayaan
- Biro Undang-undang
- Biro Perhubungan Awam
- Biro Belia
- Biro Perpaduan

Setiap biro, kecuali politik, mempunyai sekurang-kurangnya tujuh dan sebanyak-sedikitnya 16 ahli jawatan. Khasnya yang pakar dalam bidang berkenaan.

Biro politik diketuai oleh Ketua Pergerakan Wanita Umno Malaysia, Datin Datin Paduka Rafidah Aziz, diikuti Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari dan Ketua Penerangan.



● Puan Habshah Osman, Setiausaha Pergerakan Wanita Umno Malaysia.

Setakat ini empat biro iaitu pendidikan, kebajikan, perpaduan dan politik sudahpun mengadakan mesyuarat pertamanya baru-baru ini diikuti dengan biro agama.

Biro-biro yang sudah bermesyuarat itu menetapkan kerja-kerja dan rancangan yang akan dijalankan sepanjang tahun ini. Contohnya, Biro Pendidikan akan bertugas meneliti dan menilai pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara.

Biro ini juga mengkaji isu-isu semasa yang berkai-

tan dengan wanita dan pendidikan serta berhubung rapat dengan persatuan pelajar dan agensi-agensi pelajar dalam dan luar negara.

Hubungan baik akan disambungkan semula setelah terputus berikutan Umno diharamkan tahun lalu. Ada banyak perkara yang perlu dibincangkan bersama dan meningkatkan sumbangan kepada masyarakat umum yang memerlukan bantuan mereka.

Selain itu biro ini juga akan mengadakan seminar, forum, majlis penerangan, ceramah dan bengkel dari masa ke masa bila ada isu yang perlu dibangkitkan untuk perbincangan bersama.

Bapa dan Guru (PIBG) dan persatuan-persatuan pelajar.

Hubungan erat ini membolehkan mereka bergerak sehaluan dengan mengadakan pelbagai rancangan bersama dan meningkatkan sumbangan kepada masyarakat umum yang memerlukan bantuan mereka.

Selain itu biro ini juga akan mengadakan seminar, forum, majlis penerangan, ceramah dan bengkel dari masa ke masa bila ada isu yang perlu dibangkitkan untuk perbincangan bersama.

■ Biro-biro yang sudah bermesyuarat telah menetapkan kerja-kerja dan rancangan yang akan dijalankan sepanjang tahun ini. Lawatan ke seluruh negara akan diadakan untuk memberi penerangan mengenai parti dan berusaha mencari ahli. Perkara utama yang dititikberatkan ialah menghapuskan imej Wanita Umno yang dikatakan pasif dan hanya menjadi wanita kampung yang tidak bergerak cergas ■

Dalam masa yang sama juga biro ini akan memberikan cadangan atau syor yang perlu kepada parti dari masa ke masa untuk menjalin kerjasama dan mengadakan pelbagai rancangan bersama.

## Majlis

Bagi Biro Kebajikan, Puan Habshah berkata, perkara utama yang diberi perhatian ialah meningkatkan hubungan silaturrahim yang sudah terputus dengan pertumbuhan kebajikan yang

lain berikutan pengharuman Umno tahun lalu. Beberapa perjumpaan tidak rasmi akan diadakan dari masa ke masa untuk menjalin kerjasama dan mengadakan pelbagai rancangan bersama.

Untuk rancangan sepanjang tahun, biro itu akan meneruskan usaha membantu kanak-kanak dan golongan yang kurang bernasib baik dan mengadakan majlis sambutan ulang tahun Umno pada 11 Mei depan. Acara membaca tahlil dan surah Yasin akan dia-

dakan dengan menjemput wanita Umno veteran dan wanita generasi muda ke majlis itu. Dengan ini mereka berpeluang bertukar fikiran dan pandangan serta berbincang mengenai pelbagai isu.

Biro ini juga akan bekerjasama dengan badan atau pertubuhan kebajikan di seluruh negara seperti dengan Perkim yang akan membantu wanita tidak berkehu yang baru memeluk agama Islam. Selain itu kerja-kerja kebajikan dan sosial juga akan dijalankan bersama lain-lain pertubuhan.

## Lawatan

Biro Perpaduan pula akan berusaha meningkatkan perpaduan antara Wanita dan Pemuda Umno berikutan berlaku perselisihan fahaman baru-baru ini mengenai usaha mencari ahli Umno.

Perpaduan juga akan ditingkatkan antara Wanita Umno dan bukan ahli serta dengan ahli komponen parti Barisan Nasional (BN) dengan mengadakan rancangan perpaduan bersama dan bagi tahun ini Seminar Membanters Dadah akan diadakan.

Seminar ini tergendala tahun lalu dan ia akan dijadikan kegiatan utama tahun ini.

Biro ini juga akan menjalankan skim anak angkat yang diketuai oleh Wanita PBS. Skim skim ini beberapa orang akan dijadikan anak angkat Barisan Nasional.

Bagi peringkat Asean, lawatan akan diadakan ke Indonesia dan Brunei untuk menjalankan beberapa rancangan bersama. Dengan ini hubungan erot boleh diwujudkan bersama.

Mengenai Biro Agama, juga mereka ialah meningkatkan syiar Islam di seluruh negara. Mereka juga akan memberi perhatian khusus ke atas beberapa masalah agama yang berlaku ketika ini seperti kurangnya Islam dalam bidang sukan kerana pengaruh dakwah yang tidak betul.

Manakala Biro Pelancongan dan Kebudayaan pula akan bergiat cergas untuk membantu Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan dalam sambutan Tahun Melawat Malaysia 1990.

Ahli jawatankuasa biro ini akan menjadi daya penggerak utama untuk memastikan rancangan yang dijadualkan berjalan lancar.

Sementara itu Biro Politik akan mengadakan siri lawatan ke seluruh negara untuk memberi penerangan mengenai parti. Dalam masa yang sama juga ia berusaha mencari ahli.

## Kampung

Setakat ini tidak kurang 300,000 ahli wanita didaftarkan. Jumlah ini dijangka bertambah kepada lebih setengah juta bila semua sudah didaftarkan.

Menurut Puan Habshah, perkara utama yang dititikberatkan ialah menghapuskan imej Wanita Umno yang dikatakan pasif dan hanya menjadi wanita kampung yang tidak bergerak cergas.

Menyerusi pelbagai rancangan yang dijalankan, Wanita Umno akan berusaha meningkatkan imejnya di seluruh dunia dan yang paling penting memberi sumbangan besar kepada agama, bangsa dan negara.